

Rafidah pulihkan permit teksi ikut pangkalan

ALOR SETAR, Ahad — Kementerian Perusahaan Awam akan meneliti dan mengesan dengan cermat kelulusan permit-permit teksi dan kereta sewa di masa akan datang bagi memastikan pengeluarannya akan selaras dengan keperluan di satu-satu tempat.

Menteri Datin Paduka Rafidah Aziz berkata, langkah tersebut dilakukan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri melalui jawatankuasa penentu matalamat angka bilangan teksi dan kereta sewa di peringkat negeri.

Berucap merasmikan mesyuarat agung Persatuan Tuan-punya dan Pemandu Kereta Sewa Luar Bandar Kedah Utara di sini malam tadi, Datin Paduka Rafidah berkata, langkah itu juga bertujuan memastikan mata pencarian pemandu-pemandu yang membawa teksi dan kereta sewa sekarang tidak terjejas.

"Saya telah memutuskan supaya dihidupkan semula konsep memberi permit teksi mengikut pangkalan bagi menjamin setiap tempat yang memerlukan teksi akan mendapat perkhidmatan teksi."

Pangkalan

Beliau berkata kemeneriannya sedar tentang kesulitan dan kekurangan sistem pengangkutan awam yang terdapat di negara ini sekarang.

Beliau menegaskan, satu pasukan petugas yang komprehensif perlu ditubuhkan di kemeneriannya untuk membuat kajian mengenai keseluruhan sistem pengangkutan awam di negara ini.

Menurutnya, pasukan petugas itu akan mengkaji sistem pengangkutan awam di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur,

Pulau Pinang dan Ipoh, pekan-pekan kecil, kawasan luar bandar serta kenderaan yang bergerak merentangi seluruh negara.

Menteri itu menjelaskan, pasukan petugas tersebut akan menentukan jenis-jenis kenderaan yang sesuai, cara pengendalian sistem pengangkutan yang berkenaan, pengurusan kolektif, pengurusan awam atau awam dan swasta.

Petugas

Yang pentingnya, ujar beliau, langkah itu akan menentukan bidang perjalanan masing-masing agar tidak bertindih atau bertelingkah antara satu sama lain.

"Buat masa itu tindakan-tindakan masih merupakan secara jangka pendek dan memenuhi kehendak-kehendak sementara, seperti perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur dan beca berjentera di Kuala Trengganu," katanya.

Beliau memberitahu, sehingga 30 Jun lalu sejumlah 19,208 permit teksi dan kereta sewa diluluskan di Semenanjung Malaysia.

Dari jumlah tersebut 1,685 permit diluluskan di Kedah dan 1,424 adalah kepada Bumiputera.

Setakat penghujung tahun lalu, bilangan permit yang diluluskan di Kedah ialah 1,519 termasuk 669 permit baru.

Katanya, dalam tujuh bulan pertama tahun ini saja sejumlah 166 permit baru di Kedah.